

07/11/1998

Usaha damai Malaysia, Singapura disambut baik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak menyambut baik persefahaman yang dicapai antara pemimpin Malaysia dan Singapura bagi memperbaiki hubungan dua hala dan mengatasi perselisihan yang timbul selama ini.

Mereka berpendapat hubungan Malaysia dan Singapura sekarang melangkah atas landasan baru yang membolehkan kedua-dua pihak menilai kesilapan dahulu serta lebih komited untuk mengeratkan hubungan kedua-dua negara.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata usaha Malaysia dan Singapura memperbaiki hubungan dua hala adalah pendekatan rasional serta realistik.

"Langkah itu dianggap pendekatan rasional kerana hubungan antara Malaysia dan Singapura memang sudah rapat sejak dulu lagi.

"Usaha yang diambil amat realistik bagi mengatakan 'cukup adalah cukup' atas setiap masalah yang dihadapi selama ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Abdul Razak berkata demikian ketika mengulas persefahaman dan kata sepakat yang dicapai antara Malaysia dan Singapura selepas pemimpin kedua-dua negara mengadakan pertemuan di sini, semalam.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong mencapai kata sepakat untuk sama-sama berusaha ke arah memperbaiki hubungan dua hala serta mengetepikan apa jua perselisihan.

Pertemuan kedua-dua pemimpin selama setengah jam di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), menghasilkan keputusan memberangsangkan termasuk dalam membantu krisis ekonomi negara dan menyelesaikan masalah bekalan air di Singapura.

Abdul Razak berkata, setiap negara Asean sepatutnya bersatu serta mengetepikan isu remeh terutama ketika rantau ini menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

"Misalnya, isu yang dihadapi antara Singapura dan Malaysia sebelum ini tidak membawa kedua-dua negara ke mana-mana. Kita sepatutnya melihat isu yang lebih positif," katanya.

Beliau turut mengalu-alukan persefahaman yang dicapai antara Malaysia dan Singapura, ketika negara membuat persiapan menjadi tuan rumah Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

"Langkah itu akan menunjukkan kepada negara peserta Apec bahawa Asean yang menjadi fokus forum, sebenarnya bersatu padu dan dinamik," katanya.

Aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, berkata persefahaman yang dicapai antara Malaysia dan Singapura membuktikan kedua-dua negara menyedari prasangka boleh menjejaskan hubungan.

"Saya mengalu pertemuan kedua-dua pemimpin itu. Ia bertujuan baik dan dapat memperbaiki hubungan sedia ada, malah lebih baik jika dapat dilakukan dari semasa ke semasa," katanya.

(END)